

Agama Dan Kewajipan Kepada Manusia

“Apakah yang Sebenarnya hukum Islam itu”

”Kita hairan mengapa pemimpin-pemimpin Islam dan guru-guru besarnya tidak berdaya upaya menerangkan kepada masyarakat umum, bagaimana pandangan Islam tentang soal-soal negara, parlimen, ekonomi dan masyarakat...” demikian kata fadhilat al-Ustaz Muhammad Hasbi Ash-shiddieqy, lalu menghuraikan masalah-masalah ini dengan sejelas-jelasnya.P. Q.

////////// (oleh: Muhammad Hasbi Ash-shiddieqy) //////////

Innamā kāna qaula al-Mu' minīna idhā du'ū ilā allāhi wa rasūlihi li yahkuma baynahum an yakūlū: "samī na wa aṭā nā" wa ulāika humu al-Muflihūn.

(Hanya sanya ucapan orang-orang Mukmin itu apabila mereka diseru kepada Allah dan Rasul-Nya untuk diputuskan hukum di antara mereka, mengucapkan “kami dengar dan kami taati” dan merekalah orang-orang yang mendapat kemenangan), 51, *al-Nur*.

Pendahuluan:

Umat Islam di seluruh dunia pada dewasa ini telah menyimpang dari jalan yang dibentangkan oleh Islam. Kerana itulah tak ada di dunia sekarang ini sebuah negara yang di dalamnya di tegakkan syariat Islam sebagaimana diturunkan Allah, baik mengenai kenegeraan, politik, mahu pun dalam sudut ekonomi, kemasyarakatan dan lain-lain yang mengenai muslihat perseorangan dan muslihat bersama.

Umat Islam telah meninggalkan sebahagian dari

hukum-hukum Islam dan menggantikan hukum-hukum tersebut dengan hukum-hukum yang bersendikan hawa nafsu dan manfaat diri.

Boleh jadi kerana mereka tidak dapat memahami dengan sebenar-benarnya betapa indah dan tingginya hukum Islam.

Kerana yang demikian, perlulah berdiri “badan-badan ilmu” (*hay'at 'ilmiyyah*) yang sungguh-sungguh berusaha mengembangkan hakikat hukum Islam, yang sekarang sedang dikeroyok oleh badai Imperialisme dari satu pihak dan pihak oleh taufan komunisme dari pihak yang lain.

Kaum Muslimin diniabuwakkan faham demokrasi dan sosialisme ala barat yang diciptakan oleh penganjur revolusi Perancis. Untuk meyedarkan kaum Muslimin, istimewa pemimpin-pemimpin yang tidak memahami Islam dengan semestinya, perlulah alim ulama yang sungguh-sungguh ulama, yang menghendaki kebaikan dunia dan kebahagiaan akhirat memberi pengertian yang mendalam hingga orang-orang Islam

insaf, bahawa hukum Islamiah yang dapat memelihara mereka dari serangan Imperialisme dan Komunisme. Tugasnya, supaya mereka yang sudah di dendang sayang itu, yang sudah teracun jiwanya dengan bius-bius barat, meyakini bahawa hanya hukum Islamiyah yang dapat menciptakan keadilan dan persamaan yang benar.

Kita hairan mengapa pemimpin-pemimpin Islam dan guru-guru besarnya tidak berdaya upaya menerangkan kepada masyarakat umum, bagaimana pandangan Islam tentang soal-soal: negara, parlimen, ekonomi dan masyarakat. Haruslah rakyat diberi pengetahuan yang mendalam bagaimana Islam mengatur negara, bagaimana Islam mengatur *Baitu al-Māl*, bagaimana Islam megatur ekonomi dan penghidupan rakyat. Ini dan yang semisalnya sangat penting diketahui rakyat di dalam usaha membangunkan masyarakat yang keislaman, di atas bahu pemimpin-pemimpin, alim ulama dan guru-guru besar hukum Islam terletak tugas yang penting ini.

Di dalam rencana ini saya ingin memperkatakan barang sekadarnya megenai kepala rencana ini.

Siapakah yang memegang tampuk hukum Islam?

Tampuk hukum Islam adalah di tangan Tuhan semesta alam. Hal ini tidaklah menghairankan dan sudah semestinya. Allah *Subhānahu wa ta'alā* sendirilah yang menjalankan alam ini, yang memilikinya dan Allah jualah yang menjadikan *Bani Insan* khalifah di bumi serta memerintahkan mereka mengikuti pertunjuknya dan memperkenalkan seruannya. Kalau demikian, Allah sendirilah yang memegang tampuk hukum. Sekalian manusia ditugaskan memutuskan hukum dengan undang-undang yang berada di tangan Allah.

Di dalam ayat 106 surah *al-An'am* Allah firman :

Ittabi mā ūhiya ilaika min rabbika, lā ilaha illā huwa, wa ā riḍ'ani al- mushrikīn.

(Ikutilah apa yang diwahyukan kepadamu dari Tuhanmu, tak ada Tuhan melainkan Dia, dan berpalinglah

kamu dari orang-orang musyrik)

Dalam ayat 3 surah *al-A'raf*, Tuhan berfirman :

Ittabi ū mā unzila ilaikum min rabbikum wa lā tattabi ū min dūnihi auliyāa.

(Ikutilah kamu akan apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu dan jangan kamu ikut penolong-penolong yang selainnya.

Kedua-dua ayat ini menetapkan, bahawa kita sekalian hamba ini ditugaskan menjalankan hukum-hukum Allah.

Dalam ayat 20 surah *al-Syūrā*, tuhan berfirman:

Wa makhtalaftum fīhi min shay' i fi hukmihi ilā allāh

(Sesuatu yang kamu perselisih, maka keputusannya diserahkan kepada penetapan Allah).

Di dalam ayat 70 surah *al-Qaṣaṣ*, tuhan berfirman pula :

Huwa allāhu lā ilaha illāhuwa, lahu al-hamdu fī al-ūlā wa al-akhirati,

wa lahu al-hukmu wa ilaihi turja ūn.

(Dialah Allah tak ada tuhan melainkan dia, baginya segala pujian di dunia dan di akhirat. Dan dialah yang mempunyai hukum dan kepadanya kamu dikembalikan).

Kedua-dua ayat yang mulia ini memberi keterangan, bahawa pemegang tampuk hukum dalam Islam bukanlah badan permesyuaratan, bukanlah intensi peradil (punca yang menjalankan keadilan – P.) dan sebagainya. Tampuk hukum di dalam Islam di tangan Allah sendiri. Kita manusia ini selalu hamba yang harus tunduk kepada yang memperhambakan kita, ditugaskan menuruti hukum yang telah diturunkan Allah dengan perantaraan Rasul-Nya Muhammad (SAW) dan mendasarkan ijtihad kepada hukum-hukum yang telah diturunkan itu.

Hakikat Hukum Islam

Hukum Islam ialah: hukum yang bersendikan wahyu-wahyu Allah.

Agama Islam di samping menjelaskan soal-soal kepercayaan yang membawa manusia kepada bersatu padu, menghilangkan perselisihan yang telah menyebabkan bercerai beraui umat Yahudi dan Nasari dan menubuhkan berbagai-bagai rupa *fariqah* bermusuhan-musuhan, menyusun pula nazam dan aturan-aturan hidup yang baik untuk hidup seorang dan hidup masyarakat.

Itulah Dia Hukum-hukum Islam

Maka asas dari hukum-hukum Islam tersebut, ialah, wahyu Ilahi. Wahyu Ilahi itu kita dapati dari dua punca yang asasi, iaitu kitab Allah dan sunnah Rasulnya. Dalam dua punca asasi ini kita dapati segala rupa hukum Islam, baik mengenai keperdataan (muamalat – P.) kepidanaan (jenayah – P.), kenegaraan dan kemasyarakatan, mahu pun lain-lainnya.

Dengan keterangan ini nyatalah perbezaan hukum Islam dari hukum-hukum yang dibuat oleh manusia. Hukum Islam bersendikan wahyu. Ahli-ahli ijtihad dalam berijtihad terikat ijtihadnya dan istinbatnya dengan memperhatikan asas syariat, kaedah-kaedahnyanya, usul-usulnya, serta maksud-maksud syarak mentaklifkan hamba-hamba Allah (yakni memberi tugas dan kerana itu mereka disebut “mukalaf” – P.)

Ringkasnya, roh *al- Syari 'ah*, *Mabadi al- Syari 'ah* *Qawaid al- Syari 'ah*, *Usul al- Syari 'ah* dan *Maqasid Syari 'ah* sentiasa harus diperhatikan oleh ahli-ahli ijtihad.

Maka tetaplh hukum Islam itu berdasarkan wahyu Ilahi.

Seterusnya, hendaklah diyakini bahawa hukum Islam itu tiada lain dari sari pati hukum yang telah disampaikan oleh Nabi-nabi dahulu. Di dalam hukum-hukum Islam di dapati inti sari segala yang diturunkan Allah. Kerana itu, tepatlah apanbila kita berkata: “Bahawa barang siapa meninggalkan hukum Islam, berertilah meninggalkan segala hukum yang diturunkan Allah kepada

segala Rasul, dan barang siapa mengikuti hukum Islam, berertilah mengikut syariat Nabi yang telah lalu.”

Dengan tegas al-Quran menerangkan bahawa hukum Islam itu sari pati syariat-syariat yang terdahulu. Dan hal ini tidak sahaja dijelaskan oleh al-Quran, bahkan nas-nas kitab-kitab yang terdahulu juga menunjuk demikian. Banyak hukum-hukum Islam diingkari oleh apa yang dinamakan kaum moden, termaktub dalam kitab-kitab yang terdahulu. Bukankah hukum rejam terdapat dalam Taurat? Nabi Isa tidak membantah hukum tersebut, hanya beliau menetapkan sampai yang merejam itu hendaklah orang yang tidak pernah berzina. Riba di haramkan oleh kitab-kitab Yahudi sebagaimana di haramkan juga oleh kitab-kitab Nasrani. Tak ada nas-nas dalam kitab-kitab Nasrani yang membolehkannya. Kaum Nasrani itu harus menikuti perjanjian lama dalam soalan-soalan yang tiada di lawani perjanjian baharu.

Muhammad (SAW) tiada membawa hukum-hukum baharu selain yang dikehendaki oleh kesempurnaan kemanusiaan. Maka hukum-hukum Islam itu adalah langkah terakhir untuk menuju kesempurnaan, jika dibandingkan dengan hukum-hukum yang telah dibawa oleh Nabi-Nabi dahulu.

Dasar-Dasar Hukum Islam

Apabila kita mempelajari al-Quran dengan sakasama nyatalah bahawa di antara dasar-dasar hukum yang menjadi pokok ialah :

1. Mendirikan keadilan dalam erti yang sebenar-benarnya.
2. Memelihara maslahat khas dan am, dan memelihara segala yang menghasilkan manfaat dan segala yang menolak mudarat.

Dasar-dasar ini dinaungi oleh keteguhan memegangi agama, budi pekerti utama dan perhubungan kasih sayang yang erat antara anggota masyarakat.

Tak ada diragui oleh siapa-siapa jua pun, bahawa ada dua faktor yang mengukuhkan hubungan antara golongan manusia, pertama: Undang-undang dan aturan-aturan yang disusun untuk menjaga perhubungan baik, menjauhi perselisihan, menyelesaikan rupa-rupa perkara di bawah kekuasaan hakim yang adil yang meranakan keadilan segala pelosok masyarakat di samping memelihara masalah. Kedua: Keutamaan dan keluhuran budi yang dapat mengheningkan jiwa dan mengikat kasih sayang di antara seorang dengan seorang, antara jemaah dengan jemaah.

Faktor yang kedua ini tidaklah dikendalikan oleh kekuasaan hanya dikendalikan oleh keheningan jiwa, kebersihan akhlak dan kehalusan budi.

Faktor yang pertama itulah yang diatur oleh al-Quran dan disendi dasarnya kepada: Keadilan dan masalah bersama.

Keadilan

Al-Quran mengajak manusia kepada berlaku adil walau pun terhadap musuh, kerana “keadilan itu hakikat yang kekal “dan tidak hanya diberikan kepada orang-orang yang dikasihi, tetapi mesti diratakan ke segenap manusia.

Allah berfirman: *Wa lā yajri mannakum shanaānu qaumin ‘alā allā tādilū idilū huwa aqrabu li al-taqwā wa attaqu allāh.*

(Janganlah kebencian kamu kepada sesuatu golongan menyebabkan kamu tidak boleh berlaku adil. Berlelah adillah kamu, kerana adil itu lebih dekat kepada taqwa, dan bertaqwalah kepada Allah) – 9, surah *al-Maidah*.

Maka hukum Islam itu, ialah hukum yang memulangkan hak kepada segala yang empunya, baik hak tersebut bersifat kebendaan, mahu pun bersifat rohani, masyarakat atau politik. Segala rupa usaha yang menghalangi berwujudnya keadilan mestilah dipandang zalim walaupun dari siapa sahaja datangnya.

Keadilan yang merata telah diamalkan oleh hakim-hakim Islam zaman pertama. Ketika Umar bin Abdul Aziz memerintah, beliau melarang rakyat mendatanginya dari tempat-tempat yang jauh untuk mengadukan hal mereka, kerana keadaan yang demikian menyukarkan mereka. Beliau berjanji bahawa segala hak itu akan disampaikan kepada empunya di tempat mereka masing-masing. Janji tersebut beliau tepati dengan sebaik-baiknya. Maka meratalah keadilan ke seluruh pelosok masyarakat. Dan keadilan di dalam Islam tidak selamanya bererti persamaan. Ada persamaan yang dipandang kezaliman. Menyampaikan antara orang-orang yang bersungguh-sungguh dengan yang tidak, adalah kezaliman. Dan bukanlah keadilan itu menyamakan manusia dalam soal kekayaan dan kepapaan, kerana kekayaan dan kepapaan itu, ialah hasil dari usaha masing-masing. Oleh yang demikian, Islam mengakui adanya kekayaan dan kepapaan.

Maslahat

Hukum-hukum Islam ialah hukum-hukum yang membawa rahmat. Maka di antara rahmat Allah kepada hambanya, ialah: Menegakkan segala urusan hamba atas dasar masalah yang yang berpadanan dengan perikemanusiaan yang tinggi.

Tuhan berfirman: *Tilka āyatu al-kitabi al-hakīm. hudan wa rahmatan lilmuhsinīn*

(Itulah ayat-ayat al-Quran al-Hakim. Menjadi pertunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang berbuat baik), 2-3, *Luqman*.

Wa mā arsalnāka illā rahmatan lil ‘alamīn.

(Dan tiada kami utus engkau melainkan untuk menjadi rahmat bagi serata alam), 107, *al-Anbiya*’.

Dengan tepat al-Quran menerangkan bahawa tujuan dari membangkitkan Muhammad yang membawa hukum-hukum Islam ialah: rahmat, maka masalah-masalah itu mempunyai dua segi. Segi yang mendatangkan rahmat dengan menolak segala mudarat

yang menimpai manusia, dan berlaku lemah lembut dalam muamalah dan segi yang mendatangkan manfaat, baik yang am, mahu pun yang khas.

Boleh jadi orang berkata: “Kalau hukum-hukum Islam mendatangkan rahmat, maka mengapakah hukum-hukum itu mensyariatkan seksa yang sangat kejam, seperti memotong tangan pencuri, mendera orang yang berzina, dan al-Quran sendiri pun menamakan yang demikian itu dengan azab? Dan betapa dikatakan hukum-hukum Islam itu mendatangkan rahmat, pada hal Islam mensyariatkan peperangan yang mewujudkan pertumpahan darah?”

Pertanyaan-pertanyaan tersebut yang dibisikkan oleh musuh-musuh Islam sekarang telah berkumandang dalam kalangan sebahagian orang-orang yang terpelajar yang hanya mempelajari hukum-hukum Islam dari buku-buku *Juybnoll* dan sebagainya. Berkenaan dengan itu kita berkata: “Rahmat al-Quran ialah rahmat am, yakni rahmat utama untuk menolong keutamaan dan menghasilkan manfaat bagi umum. Bukanlah rahmat al-Quran itu rahmat yang bererti melindungi kesalahan kerana, belas kasihan, mengasihani orang yang salah, mendatangkan aneka rupa alasan, untuk menutupi kejahatan orang yang disayangi. Bukan, bukan demikian rahmat al-Quran! al-Quran berpendapat bahawa merahmati orang yang salah, adalah kekejaman besar.

Maka untuk mewujudkan rahmat utama, mulia, yang berdasarkan maslahat yang sempurna, Islam mengadakan hukum-hukum seksa. Lebih baik dipotong tangan pencuri dari tidak terpelihara harta masyarakat.

Al-Imam ibn Taimiyyah pernah berkata: “Hukum-hukum Islam itu tidak sekali-kali melengahkan maslahat. Kerana itu, Islam menerangkan segala yang mendekatkan kita kepada syurga. Nabi (SAW) telah meninggalkan kita di dalam cahaya sinar seminar, yang malamnya sama dengan siang. Orang yang akan binasa sahalalah yang menyimpang dari

ketentuan Rasul. Maka tiap-tiap yang dipandang maslahat oleh akal tetapi kita tidak mengetahui bahawa agama juga memandang demikian, boleh jadi agama menerangkan maslahatnya, tetapi belum sampai penerangan itu kepada kita, atau memang sebenarnya tidak maslahat, hanya akal kita sahaja yang memandang maslahat mengingat faedah-faedah yang kita peroleh. Kerap kali kita menjangka bahawa bermanfaat sesuatu pada hal mudaratnya lebih besar, seperti arak dan judi.”

Keistimewaan-keistimewaan Hukum-hukum Islam

Oleh kerana hukum-hukum Islam itu, hukum-hukum yang diturunkan Allah terdapatlah padanya berbagai rupa keistimewaan yang tidak didapati pada hukum-hukum buatan manusia.

Di antara keistimewaan-keistimewaan tersebut ialah:

A. Hukum-hukum Islam dilaksanakan oleh orang-orang Islam dengan dorongan agama dan akhlak.

Orang-orang Islam mempercayai bahawa Allah akan memberikan pahala kepada mereka bila mereka taat akan perintah-perintahnya.

Bila kita memperhatikan hukum-hukum Islam, satu demi satu, baik hukum-hukum yang ditegaskan oleh al-Quran, mahu pun hukum-hukum yang disahkan oleh *al-Hadis*, nyatalah, bahawa segala hukum-hukum itu berdasarkan agama dan akhlak yang menyebabkan orang-orang *Mukmin* menerima hukum-hukum Islam itu dengan redha dan iman.

Allah menetapkan, umpamanya, bahawa seseorang tetangga mempunyai hak atas tetangganya, yakni hak yang mesti diselenggarakan oleh tetangganya itu atas agama dan akhlak.

Rasulullah (SAW) bersabda:

Mā zālu jibrīlu yūṣīnī bi lijār hattā zanantu innahu sayūriih.

(Terus menerus Jibril berpesan kepada aku mengenai

tetangga, sehingga aku sangka bahawa tetangga itu akan mendapat pusaka).

Ringkasnya, hukum Islam itu didasarkan atas menggemarkan jiwa mematuhi, dibangunkan atas dasar *targhib* dan *tarhib*. Perhatikan nas-nas yang mengenai zakat, jihad membela tanah air dan aneka rupa nas-nas yang lain, tentulah kita dapati, bahawa semuanya itu dibangunkan atas dasar menggemar dan menakutkan. Digerakkan umat melaksanakannya dengan membangkitkan kebatinan mereka untuk mematuhi.

B. Hukum-hukum Islam mempunyai balasan dunia dan akhirat.

Apabila kita perhatikan undang-undang yang dibuat oleh manusia untuk mengikat masyarakat dalam satu ikatan yang baik dengan memberikan balasan kepada yang melangkahi, nyatalah bahawa balasan-balasan itu bersifat keduniaan semata. Hal ini tiadalah menghairankan kerana membuat undang-undang itu tidak memiliki urusan akhirat. Mereka hanya mempunyai penjara dan tanah pembuangan, tetapi tidak mempunyai neraka *darul al-Iqāb*. Selain itu undang-undang manusia hanya berusaha memelihara tertib dan ketenteraman masyarakat. Kerap kali bagi mewujudkan ketenteraman itu mereka membolehkan apa yang tidak dibolehkan oleh agama, seperti membolehkan perjudian yang telah mendapat izin dan membolehkan pelacuran yang telah mendapat kebenaran dari yang berwajib.

Hukum-hukum Islam memberikan balasan di dunia dan balasan di akhirat. Oleh kerana inilah orang-orang Mukmin merasa didorong kepada melaksanakan hukum. Mereka insaf bahawa apabila di dunia mereka dapat melepaskan diri dari menerima balasan, namun pasti di akhirat mereka akan menerimanya, tak ada jalan mereka melepaskan diri lagi.

Dengan demikian nyatalah bahawa hukum Islam yang bersendikan agama dan akhlak, bermaksud mewujudkan

kebahagiaan perseorangan dan masyarakat bersama.

T. Hukum-hukum Islam berjiwa kekeluargaan.

Jiwa kekeluargaan dalam hukum-hukum Islam dengan mudah dapat kita dirasai, baik dalam hukum-hukum ibadah, mahu pun dalam hukum-hukum muamalah. Segala hukum Islam menuju kepada perbaikan perseorangan, sebagaimana menuju kepada perbaikan masyarakat bersama.

Perhatikan hikmah yang disyariatkan solat, *ṣiyām*, zakat, haji, hikmah dihalalkan jual beli, diharamkan riba, hikmah diperintahkan kita memelihara hak tetangga, memenuhi janji dan surat perjanjian, menghalalkan perkahwinan dan mengharamkan zina.

Islam membolehkan kita membuat saluran air di tanah orang lain untuk mengalirkan air ke tanah kita yang jauh dari tempat air.

Diriwayatkan oleh Imam ibn Yahya al-Qarshi (Kitab *al-Kharāj*: 110-112), bahawa *al-Duhāk* tidak dapat menyalurkan air ke tanahnya jika tidak melalui kebun Muhammad ibn Maslamah, Akan tetapi Muhammad ibn Maslamah tidak membenarkan *al-Duhāk* menyalurkan air melalui kebunnya. *al-Duhāk* mengadukan hal itu kepada Saidina Umar. Saidina Umar pun bertanya kepada Muhammad ibn Musailamah: “Apakah hal itu mendatangkan mudarat kepada engkau?” jawab Muhammad: “Tidak”. Berkata lagi Saidina Umar: “Demi Allah, jika aku tidak mendapat jalan yang harus dilalui selain dari perut engkau, nescaya aku mengalirkan air atas perut engkau itu.” Saidina Umar membenarkan *al-duhāk* menyampaikan air ke tanahnya melalui kebun Muhammad ibn Musailamah.

Ini suatu contoh bahawa hukum-hukum Islam berjiwa kekeluargaan (jamiyyah).

C. Hukum-hukum Islam menerima perkembangan dan pertumbuhan masa.

Hukum-hukum Islam sebagai hukum-hukum yang diabadikan

mempunyai sifat yang membolehkan kekal abadi, iaitu sifat “teḥur”, menerima perkembangan dan dapat menyelaraskan diri dengan perkembangan masa dan keadaan tempat.

Hukum-Hukum Islam Bukanlah Hukum-Hukum Yang Beku

Dia mempunyai: Dasar *Ijma'* dasar *Qiyās*, *Maslahat Mursalah*, *Urf* dan *Sadd al-Dhara'i*. Dasar-dasar ini semuanya menjadikan hukum-hukum Islam itu menerima perkembangan baharu.

Jim. Hukum-hukum Islam tidak dipengaruhi oleh undang-undang Rom.

Sebahagian orientalis berkokok bahawa banyak hukum Islam dipengaruhi oleh undang-undang Rom. Bahkan ada di antara mereka yang mendakwa bahawa undang-undang Rom itulah salah satu dari sumber hukum Islam.

De Boer (*De Boer*) dan Goldziher (*Goldziher*)

ialah pemuka-pemuka orientalis yang berpendapat demikian.

Tuduhan mereka itu dapat kita pelajari dalam kitab-kitab

“*Tarikh falsafah al-Islam*” dan “*al-Aqīdah wa al-Sharī'ah*

fi al-Islām”. Lebih lanjut Amos (*Amos*) dalam

bukunya “*Roman Civil Law*” seperti yang dinukilkan

oleh Dr Mahmasani dalam bukunya “*Falsafah*

al-Tashrī'” ialah orang yang sangat keterlaluan dalam

tuduhannya itu. Sebenarnya, mereka hanya bersandar kepada:

1. Terdapat persamaan hukum Islam dengan undang-undang Rom itu.
2. Hal-hal yang ditimbulkan oleh perjumpaan kebudayaan, adat-adat dan arif (kebiasaan – P.) orang Rom itu dengan kebudayaan Islam.

Terdapatnya persamaan hukum dalam beberapa perkara sebenarnya adalah hal yang lumrah (biasa – P.) terjadi dalam alam ini antara segenap bangsa. Dalam pada itu tiadalah dapat dengan terjadinya persamaan itu kita

mendakwa bahawa yang satu mengambil daripada yang lain, atau sebaliknya.

Umat Islam telah menterjemahkan kitab-kitab falsafah Yunani ke dalam bahasa Arab kerana mereka merasa

berhajatkan falsafah tersebut, tetapi umat Islam

tidak merasa perlu kepada undang-undang orang lain, kerana kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya sudah mencukupi.

Siapakah kiranya yang dapat menerangkan bahawa pernah umat

Islam menterjemahkan kitab undang-undang Rom ke dalam bahasa

Arab? Sesungguhnya tidaklah dapat dikatakan salah kalau

pihak Islam yang menuduh bahawa undang-undang Rom lah telah

banyak mengambil faedah dari hukum-hukum Islam dalam

masa Rainnessance (kebangkitan ilmu pengetahuan

– P.) di Benua Eropah. Memang banyak contoh-contoh yang

dapat kita kemukakan. (Lihat “*Falsafah al-Tashrī'*

fi al-Islām” karangan Dr Mahmasani, muka

229-230).

Walhasil hukum-hukum Islam bertujuan menyusun

hidup dan penghidupan khas dan am serta

mendatangkan kebahagiaan bersama kepada segenap alam.

Dengan penerangan yang serba singkat ini rasanya telah dapat difaham, apakah sebenarnya hukum Islam itu.

Maka sebagai penutup rencana ini kami anjurkan

kepada mereka yang telah diakui sebagai sarjana fikah

Islam di Indonesia supaya memberikan perhatian yang

sempurna dalam mengkuliahkan syariat Islam dan

feqahnya. Hendaklah sarjana-sarjana Islam menginsafi bahawa

tidak boleh lagi kita mencukupi dengan perkataan

“hukum Islam sentiasa sesuai dengan perkembangan

masa dan tempat.”

Ahli-ahli perundangan di Eropah telah mengetahui hal

ini. Mereka sungguh telah menginsafi nilai-nilai hukum

Islam.

Dalam kongres di Lahay (*Lahay*) yang terjadi

dalam bulan Ogos 1938, mereka memutuskan bahawa:

A. Syariat Islam ialah sumber dari sumber-sumber perundangan.

B. Syariat Islam ialah syariat yang hidup dan dapat menuruti masa.

T. Syariat Islam ialah syariat yang berdiri sendiri bukan diambil dari syariat-syariat yang lain.

Hendaklah sarjana-sarjana fiqh berusaha mengembangkan sumber-sumber fiqh yang asli secara ilmiah, sesudah itu menyebarkan induk-induk kitab fiqh yang ditulis sebelum zaman *taqlīd*, dan janganlah penuntut-penuntut mencukupi (berpada – P.) dengan mempelajari hukum Islam yang hanya dianut oleh satu-satu mazhab atau mazhab empat sahaja. Hendaklah dikemukakan kepada mereka mazhab-mazhab yang lain secara ilmiah, kerana dalam perbendaharaan mazhab-mazhab itu kita akan dapati mutiara-mutiara yang mahal harganya dan kekayaan hukum yang tak ternilai.

Ringkasnya hendaklah sarjana-sarjana fiqh berusaha membuat “baju baharu” bagi “Fiqh Islam” dan mengutamakan “kuliah perbandingan mazhab” dalam perguruan-perguruan tinggi Islam.

Sedikit kami tegaskan bahawa tidaklah tepat dan jauhlah dari kebenaran apabila kita mendapati sesuatu nas lalu dengan serta merta kita bangunkan atasnya mahligai-mahligai yang kita maksudkan, yakni langsung kita *istinbāt*-kan daripadanya sesuatu hukum.

AKDEMI BAHASA ARAB

Pada 1 Ogos ini telah selamat dibuka di Jakarta sebuah Akademi Bahasa Arab.

Pensyarah-pensyarah ialah tuan-tuan:

Dr Haji Rashidi, Haji Beostami
Abdul Ghani, Haji Mahmud Yunus, Haji
Salim Fakhri, Abdullah bin Nuh dan
Nasru al-Din Teh.

Bagi menetapkan sesuatu hukum, hendaklah kita pelajari segala rupa nas yang berkenaan dengan pokok pembicaraan dan hendaklah kita memahami rahsia-rahsia *tashrīq* dan hikmah-hikmahnya yang menjadi asas bagi menetapkan hukum. Sesudah kita kumpul segala nas yang berkenaan dengan pokok pembicaraan, hendaklah kita bandingkan antara satu dengan yang lain lalu kita *tarjīh*kan (utamakan – P.) salah satunya di ketika terjadi *ta‘arūf* (pertentangan – P). Beginilah perjalanan imam-imam *mujtahidīn* dahulu kita bisikkan ke telinga mereka yang mengendalikan fikah. Maka atas dasar inilah kita tak dapat membenarkan pendirian mereka yang meng-*uberal*-kan (melelong – P.) poligami kerana zahir ayat: “*fā ankihū mā tābā lakum*” dengan tidak memperhatikan suasana masyarakat sekitarnya.

Diriwayatkan oleh 22 orang sahabat bahawa Rasulullah -Allāh (SAW) mengangkat tangan sebelum rukuk dan sesudahnya, akan tetapi golongan mazhab Hanafi dan Maliki tidak menyukai yang demikian kerana terdapat beberapa dalil lain.